

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HGG 433 Perancangan Pembangunan Wilayah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan dari yang berikut. DUA [2] soalan dari setiap bahagian. Semua soalan membawa markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Dengan merujuk kepada pengkaji-pengkaji dalam disiplin geografi dan disiplin-disiplin lain, bincangkan sumbangan mereka kepada doktrin Perancangan Pembangunan Wilayah hingga masa kini.
[25 markah]
2. [a] Jelaskan maksud 'Pengganda Wilayah'.
[5 markah]

[b] Dengan merujuk kepada mana-mana model yang anda ketahui, bincangkan kebergunaan konsep ini dalam menjelaskan mekanisme pembangunan sesebuah wilayah.
[20 markah]
3. Di dalam Model Pertumbuhan Wilayah Klasik Modern; 'buruh, modal dan perubahan teknologi adalah konsep asas dalam pembangunan wilayah'. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada pembangunan negara anda pada masa kini.
[25 markah]

..12

4. Dengan merujuk kepada kepesatan perubahan teknologi komunikasi, maklumat dan komputer, jelaskan pertimbangan-pertimbangan baru yang perlu diberi perhatian di dalam menjelaskan ketidakseimbangan pembangunan wilayah.

[25 markah]

BAHAGIAN B

5. Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan sejauhmana dasar berdasarkan stimulasi inovasi dan kemajuan teknikal boleh mengatasi masalah ketidakpembangunan wilayah.

[25 markah]

6. Bincangkan apakah peranan Perancangan Pembangunan Wilayah dalam pengurusan pertumbuhan kawasan yang mengalami proses globalisasi ekonomi.

[25 markah]

7. Dalam konteks 'Sustainable Human Settlements Development : Implementing Agenda 21', bincangkan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh negara-negara membangun untuk merealisasikan Agenda ini.

[25 markah]

8. Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, sejauhmanakah anda bersetuju bahawa di Malaysia amalan Perancangan Pembangunan Wilayah telah dipinggirkan semenjak 1985.

[25 markah]